



“ Kita faham akan jerih payah mereka menongkah arus kehidupan, memugal tanah dan bergelut dengan badai demi mencari rezeki

– **DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK**
Perdana Menteri



“ Pertanian adalah perniagaan itulah moto yang kita gunakan. Kita mesti mengambil inisiatif untuk memastikan tanggapan mengatakan bidang ini tidak menguntungkan adalah tidak tepat

– **TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN**
Timbalan Perdana Menteri



“ Hanya pengusaha, petani, penternak dan nelayan yang mempunyai ilmu dan pengetahuan serta mampu mengadaptasi teknologi terkini akan mampu membuahakan kejayaan yang tidak pernah difikirkan sebelum ini

– **DATUK SERI NOH OMAR**
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Pergerakan Pertubuhan Peladang diilham Tun Razak



“ Modal Saham di dalam Pertubuhan Peladang adalah perjuangan “serampang dua mata”

– **TAN SRI ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**
Pengerusi NAFAS



NAJIB Tun Razak melancarkan baja sawit MPOB F3 sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kebangsaan di Hotel Legend, Kuala Lumpur pada 15 Disember 2010. Turut hadir Noh Omar dan Abdul Rashid Abdul Rahman.

PERBADANAN Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pada 31 Mac 1972 adalah daripada ilham Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein Al Haj selepas beliau melawat Taiwan.

Pada awal penubuhannya, NAFAS dikenali sebagai Persatuan Peladang Kebangsaan dan didaftarkan di bawah Akta Persatuan Peladang 1967. Ianya bertanggungjawab sebagai badan induk kepada persatuan-persatuan peladang di seluruh negara.

Seiring dengan peredaran masa dan bagi membolehkan pergerakan peladang mencapai kemajuan, persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama asas tani di seluruh negara telah dicantumkan menjadi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973.

Berikutan perubahan yang berlaku di peringkat kawasan dan negeri, Persatuan Peladang Kebangsaan telah didaftarkan semula sebagai ‘Pertubuhan Peladang Kebangsaan’ pada 1984.

Sehingga 31 Disember 2010, NAFAS telah disertai 14 Pertubuhan Peladang Negeri, yang turut dianggotai oleh 276 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan PPK pula dianggotai 817,642 ahli peladang di seluruh negara. Struktur ini melengkapkan rangkaian tiga peringkat pertubuhan peladang. Rangkaian PP telah dipertanggungjawab untuk menyatu dan mengemblem sumber Pertubuhan Peladang dan seterusnya berperanan sebagai badan perniagaan peladang.

“Apa yang kita buat pada hari ini hendaklah menjamin tempat yang sempurna dan taraf hidup yang bahagia bagi kita dan keturunan kita masa yang akan datang. Biarlah Persatuan Peladang (NAFAS) ini menjadi satu harta pesaka yang akan diwarisi turun temurun sebagai alat kemajuan dan perpaduan negara kita.” Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein Al Haj semasa berucap di majlis pelancaran NAFAS.

Dari segi pemilikan saham, hingga kini PPK berjaya mengumpul RM132.94 juta sementara jumlah saham PPK seluruh negara di PPN pula RM40.34 juta dan jumlah saham PPN di NAFAS sebanyak RM17 juta.

Bagi tahun kewangan 2010, urus niaga PPK seluruh negara menjana perolehan melebihi RM1.2 bilion dengan keuntungan bersih sebanyak RM80.6 juta. Urus niaga PPN pula mencatat perolehan melebihi RM1 bilion dengan keuntungan bersih sebanyak RM60.34 juta. NAFAS pula menjana perolehan pendapatan sebanyak RM718 juta dengan keuntungan bersih melebihi RM74 juta.

Transformasi pertanian melalui Pertubuhan Peladang (PP) adalah dengan membentuk rantaian nilai iaitu pengeluaran input pertanian seperti benih, latihan-latihan dan kursus, perladangan kontrak, pemprosesan dan pema-

saan. Rantaian nilai ini merealisasikan ‘Pertanian Adalah Perniagaan’.

Kerajaan memperbadankan PP melalui proses penambahbaikan kepada institusi-institusi terdahulu seperti syarikat kerjasama dan Persatuan Peladang. Dengan itu, PP telah diperbadankan sebagai sebuah Pertubuhan Perbadanan yang diperbadankan melalui Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973. Pertubuhan Peladang adalah perbadanan yang kekal dan mempunyai hak dan kuasa dari segi undang-undang. Tujuan penubuhan PP adalah untuk meningkatkan ekonomi peladang (ahli), memajukan sosial ahli serta menjaga kebajikan ahli.

Dalam usaha memastikan PP mencapai matlamat penubuhannya bagi meningkatkan ekonomi, PP telah melaksanakan

- Tugas meningkatkan hasil dan pelbagai aktiviti pertanian secara perladangan kontrak;
- Menjalankan perniagaan bekalan keperluan ladang dan keperluan-keperluan harian melalui Program Input Bersepadu (PIB);
- Mengadakan perkhidmatan kejenteraan ladang melalui PPN Jentera;
- Menyediakan kemudahan kredit yang dapat membantu meningkatkan pelaburan ahli dalam bidang pertanian;
- Mengalakkan dan memudahkan ahli PP membuat simpanan melalui perkhidmatan simpanan;
- Menjadi pemangkin kepada usaha pertanian ahli dengan menyediakan pusat-pusat pengumpulan, penderangan, penyimpanan dan perkhidmatan pemasaran;
- Menyediakan perkhidmatan pengangkutan hasil ladang;
- Membina kilang-kilang dan memproses hasil ladang ahli; dan
- Mengumpul dana daripada ahli dan melabur dalam usaha-usaha yang berdaya maju.

Tanggungjawab memajukan sosial ahli meliputi:

- Merancang dan melaksanakan program pembangunan modal insan melalui aktiviti-ak-

“ Biarlah Persatuan Peladang (NAFAS) ini menjadi satu harta pesaka yang akan diwarisi turun temurun sebagai alat kemajuan dan perpaduan negara kita

– **ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN AL HAJ**
Ucapan semasa pelancaran NAFAS

tiviti latihan dan pemindahan teknologi yang berkaitan langsung dengan usaha perladangan dan aktiviti ekonomi ahli;

- Menjalin dan menggalakkan aktiviti berkumpulan melalui pelaksanaan program kemasyarakatan.

Tanggungjawab kebajikan pula meliputi:

- Berusaha dan membantu ahli yang tidak memiliki tanah untuk mendapat tanah dan menjalankan aktiviti ekonomi bagi memajukan tanah ahli;
- Menganjurkan program sosial, bantuan pendidikan dan aktiviti-aktiviti rekreasi yang menjaga kebajikan ahli dan keluarga.

Kerajaan juga telah memberi hak dan keistimewaan kepada PP dalam memastikan matlamat ianya diperbadankan boleh dicapai.

PP boleh menjalankan aktiviti ekonomi (perniagaan), aktiviti sosial dan kebajikan. Kerajaan memberi pengharapan dan menaruh kepercayaan PP akan mampu dan berupaya meneraju transformasi pertanian yang membawa kepada kesejahteraan rakyat.

NAFAS pastikan dana peladang satu kenyataan

DALAM usaha memastikan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) terus relevan sebagai induk kepada pertubuhan peladang seluruh negara, perancangan untuk menubuhkan dana yang dikenali sebagai Dana Peladang Kebangsaan (DPK) telah diputuskan oleh Jemaah Pengarah NAFAS.

Usaha ini bagi membolehkan pertubuhan peladang mempunyai sistem kewangannya sendiri. Produk-produk DPK berbentuk pelaburan, simpanan dan pinjaman (kredit).

Dengan nilai perniagaan Pertubuhan Peladang (PP) di antara RM 700 juta sehingga RM 1.2 bilion setahun berbanding modal kerja yang kecil iaitu 3% hingga 11% daripada nilai perniagaan, PP bergantung penuh kepada sumber kewangan daripada institusi kewangan bagi membiayai kos perniagaan.

Dengan adanya DPK, kebergantungan ini boleh dikurangkan di samping memajukan aktiviti sosio-ekonomi PP. Kekangan PPK dan PPN untuk menayakan sistem kredit dan simpanan secara berkesan atas faktor geografi iaitu terhadap keadaan kawasan dan negeri masing-masing maka menerusi DPK ia akan dapat memberi perkhidmatan dengan lebih meluas kepada ahli-ahli PP.

Melalui DPK ianya juga dapat memberi pendapatan tambahan kepada ahli-ahli yang melanggan saham DPK melalui dividen. Skim pinjaman kredit yang disediakan kepada ahli-ahli akan mengembangkan ekonomi pertubuhan peladang bukan hanya kepada badan induk iaitu NAFAS malah kepada ahli pertubuhan peladang yang melanggan dengan DPK.

Dana tersebut akan melaksanakan penerimaan pelaburan dan simpanan serta memberi kemudahan pembiayaan kepada kumpulan-kumpulan yang dibenarkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan berlandaskan kepada hukum dan peraturan syariah.

Hukum dan peraturan yang diguna pakai berkaitan dengan muamalat ekonomi, urusan kewangan serta perbankan Islam adalah berlandaskan Fiqh Islam.

Kemudahan simpanan, pelaburan dan pembiayaan DPK terbuka kepada ahli individu, NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), syarikat kerjasama asas tani (SKAT), pekerja Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang (PP).

Dalam perkembangan lain, NAFAS juga akan melancarkan Tabung Bencana Peladang atau TBP yang masih menunggu kelulusan Pendaftar Pertubuhan Peladang. Ia bagi meringankan beban peladang yang ditimpa bencana seperti banjir dan kemarau.

Secara amnya, sekiranya diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang, TBP boleh mendapat dana daripada sumbangan NAFAS, PPN dan PPK melebihi RM700,000 setahun.

TBP ini akan diuruskan oleh satu jawatankuasa yang terdiri dari pemimpin PP untuk meringankan beban ahli PP sekiranya berlaku malapetaka seperti banjir dan kemusnahan tanaman. Bagaimanapun sumbangan yang boleh disalurkan adalah bergantung kepada dana yang diperolehi setiap tahun daripada pertubuhan peladang.

Sumber pendapatan/kewangan TBP adalah daripada agihan keuntungan bersih tahunan NAFAS, PPN

dan PPK, faedah daripada simpanan, dividen daripada pelaburan, sumbangan daripada pihak kerajaan (Persekutuan/Negeri), sumbangan daripada sektor swasta/korporat, ahli peladang dan orang perseorangan.

Sementara itu PP dikehendaki membuat caruman kepada tabung tersebut sekurang-kurangnya satu peratus daripada keuntungan bersih PP atau kadar maksimum caruman yang ditetapkan seperti berikut:

NAFAS - RM 50,000 mana yang kurang
PPN - RM 10,000 mana yang kurang
PPK - RM 2,000 mana yang kurang

Dalam pada itu, NAFAS memainkan peranan membangunkan ahli-ahli PPK dan PP dengan mewujudkan penternak-penternak ayam daging bumiputera melalui Skim Payung Ayam Daging (SPADA), iaitu sistem payung (integrator).

Di bawah sistem ini NAFAS membekalkan anak dan makanan ayam, khidmat nasihat teknikal kepada penternak serta membeli balik ayam untuk diproses dan dipasarkan.

Melalui projek SPADA, banyak kemajuan telah dicapai seperti mewujudkan ladang baka dan pusat penetasan anak ayam Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) di Kota Tinggi, Johor, pusat-pusat memproses ayam PPNJ; Pertubuhan Peladang Negeri Selangor di Pandamaran, Klang dan PPK Manjung di Perak. NAFAS juga mempunyai sebuah pusat memproses ayam di Sungai Bakap, Pulau Pinang.

Sementara itu, melalui Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP) yang dilancarkan pada tahun 2001, ahli-ahli individu dan PPK boleh melabur di dalam kilang pembuatan baja di Gurun, Kedah. Sehingga kini, NAFAS telah mengisytiharkan RM 1.52 juta dalam bentuk insentif dan dividen kepada para pelabur.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2010 NAFAS telah mengisytiharkan dividen sebanyak lima peratus atau berjumlah RM 244,500.00 kepada 171 Pertubuhan Peladang dan 879 Ahli Pertubuhan Peladang dengan nilai pelabur berjumlah RM4.89 juta. Kilang baja ini mengeluarkan baja sebatian untuk Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP).

Program Input Bersepadu (PIB) iaitu pembekalan input pertanian secara bersepadu oleh NAFAS kepada PPN (dan PPK) seluruh negara bermula pada tahun 2003. Tumpuan utama PIB ini tertumpu kepada projek tanaman padi dengan tujuan PPN (dan PPK) mendapat bekalan input pada harga yang lebih murah daripada harga pasaran melalui kaedah di mana NAFAS mendapatkan bekalan secara pukal terus dari pengilang.

NAFAS juga mengimarahkan Sambutan Hari Peladang yang disambut pada 6 Ogos setiap tahun dengan memberi sumbangan kepada PPN dan PPK. Selain daripada Sambutan Hari Peladang, NAFAS juga memberi sumbangan kepada PPK dan PPN bagi menayakan Mesyuarat Agung Tahunan.

Dan akhirnya matlamat penubuhan PP ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meningkatkan hasil dan pendapatan dan membaiki cara hidup ahli-ahlinya serta mewujudkan satu masyarakat tani yang progresif, berdikari, makmur dan bersatu-padu dapat dicapai.

Rantaian nilai pemangkin aktiviti asas tani

KEJAYAAN dan kemampuan daya saing hasil pertanian peladang bergantung secara langsung kepada aktiviti sokongan di peringkat hulu dan hiliran. Aktiviti pengeluaran di ladang akan terus berfungsi dan aktif melalui pendekatan berasaskan rantaian nilai aktiviti.

Pembentukan Pertubuhan Peladang (PP) yang merangkumi tiga peringkat, iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di peringkat Daerah, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) di peringkat Negeri dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di peringkat Nasional merupakan mekanisme lengkap rantaian nilai kepada aktiviti pengeluaran ladang peladang-peladang.

Melalui pendekatan ini rangkaian Pertubuhan Peladang di seluruh negara yang bergabung di bawah NAFAS telah berjaya merealisasikan hasrat kerajaan membawa transformasi pertanian tradisi kepada ‘Pertanian Adalah Perniagaan’.

Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) telah memulakan program integrasi sawit seawal tahun 1980-an. Sawit dipilih kerana majoriti peladang telah berjaya mewujudkan rantaian

aktiviti yang lengkap bagi tanaman sawit. PPNJ telah berjaya mengeluarkan biji sawit cambah dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), telah memiliki makmal penyediaan tisu didik, menyediakan kemudahan kredit di bawah Skim Kredit Ladang Terselia (SKLT), berjaya membina dua kilang sawit yang mampu memproses buah tandan segar sebanyak 458,000 tan setahun dan turut memulakan pengeluaran baja kompos yang diproses daripada sisa kilang sawit.

PPNJ juga memaklumkan akan membina kilang sawit ketiga beserta kilang penapis dan pengeluaran baja kompos yang lebih besar. Melalui program ini PPNJ telah membuka 36 pusat timbang untuk membeli sawit melalui 26 buah PPK di seluruh Johor. Seramai lebih daripada 13,000 peladang sawit telah mendapat faedah langsung daripada program ini.

Di Perak juga, melalui Pertubuhan Peladang Negeri Perak (PPNP) bersama PPK telah berjaya menjadi peneraju kepada aktiviti penanaman sawit peladang-peladang. Mengambil strategi pelaksanaan di Johor, PPNP

telah membentuk pasukan pengurusan ladang sawit yang bertujuan khusus bagi membantu dan menambahbaik aktiviti pengeluaran ladang ahli. PPNP telah membantu secara langsung dalam pengurusan ladang sawit milik ahli dan telah berjaya menjana pulangan yang optimum.

Dalam aktiviti ayam daging, rantaian Pertubuhan Peladang telah berjaya menghasilkan produk berasaskan ayam yang menampung permintaan di pasaran. PPNJ telah berjaya membentuk rantaian nilai dalam pengeluaran ayam daging. Bermula dengan pengeluaran 4 juta ekor anak ayam melalui ladang ayam baka, PPNJ berjaya mewujudkan 45 usahawan penternak ayam di bawah perladangan kontrak.

Adam yang dihasilkan oleh penternak kontrak dibeli dan diproses di kilang milik PPNJ sebelum dipasarkan dalam bentuk ayam bulat, ayam proses atau keluaran yang diberi nilai tambah, seperti sate, *pop corn* ayam dan lain-lain produk mengikut keperluan pasaran. Perancangan strategik PPNJ bersama PPK di Johor telah memulakan program pembesaran projek ayam bagi mencapai kapa-

siti pengeluaran 10 juta ekor setahun.

Program ini disamping mewujudkan usahawan ternakan ayam juga telah berjaya menawarkan kepada pengguna bekalan ayam yang bersih, segar, suci dan halal. Dalam usaha yang berterusan ke arah memperluaskan rantaian nilai industri ayam daging, khususnya berkaitan jaminan bekalan makanan halal, NAFAS akan meneruskan usaha yang sama.

Dengan menggunakan asas di PPNJ, NAFAS telah merancang membina kilang makanan ternakan ayam dan memperluaskan skim kontrak ladang ayam daging bagi menampung keperluan kilang memproses ayam NAFAS di Pulau Pinang.

Gerakan PP telah diberi tanggungjawab oleh kerajaan bagi membawa transformasi kepada pengeluaran beras negara. PP telah diberi tanggungjawab mewujudkan rantaian nilai bagi tanaman padi.

Dalam rantaian nilai tersebut PP telah berperanan mengeluarkan Benih Padi Sah yang dikeluarkan oleh PPK Lahar Bubu, Pulau Pinang. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melantik PPK Lahar

Bubu untuk mengeluarkan Benih Padi Sah dan telah berjaya dilaksanakan.

Aktiviti ini akan diperluaskan bagi membantu kerajaan mengurangkan masalah pembekalan Benih Padi Sah. Rangkaian PP melalui NAFAS telah dipertanggungjawab melaksanakan penderangan di bawah Skim Subsidi Baja Kerajaan Persekutuan dan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara.

Dalam menyokong usaha kerajaan ini, NAFAS telah membina kilang baja sebatian melalui usaha sama dengan PETRONAS. Dengan kapasiti pengeluaran 310,000 metrik tan setahun, bekalan baja di bawah kedua-dua skim kerajaan di atas telah dilaksanakan dengan jayanya. Dalam melengkapkan rantaian nilai pengeluaran padi, PP juga telah memiliki pusat pembelian padi serta kilang padi. Aktiviti-aktiviti berkaitan akan diterus dan diperluaskan.

Kejayaan dan kesan positif yang memberi nikmat kepada peladang melalui rantaian nilai di bawah PP turut dinikmati oleh petani-petani yang mengusahakan tanaman cili di Kelantan. Bermula tahun 1994, PPK

Bukit Awang telah memulakan ladang kontrak tanaman cili. Dengan permulaan empat peserta di bawah program Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan keluasan 1.6 hektar telah berjaya dikembangkan kepada 180 hektar dengan penglibatan 14 PPK dan 450 peladang. Perladangan kontrak dengan kerjasama Syarikat Nestle Berhad (Nestle) ini telah berjaya menghasilkan 500 tan cili setahun.

Model kejayaan transformasi pertanian dengan pendekatan program berasaskan rantaian nilai melalui PP telah memberi faedah langsung kepada peladang-peladang. Peranan PP terus diperlukan dan diperluaskan kepada semua aktiviti pengeluaran pertanian yang diusahakan oleh peladang-peladang. PP sebagai badan perniagaan milik peladang bertanggungjawab menyatu dan mengemblem sumber semua ahli bagi mencapai matlamat serampang dua mata, iaitu mendapatkan perkhidmatan dalam aktiviti pengeluaran ladang mereka dan keuntungan daripada perniagaan PP yang berkaitan langsung dengan peladang-peladang.